

11/07/2000

Kerajaan tidak akan tolak ansur

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Isnin - Kerajaan akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang mencetuskan keganasan perkauman dan agama di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang memberi amaran itu berkata, mereka yang cuba mencetuskan kekecohan itu akan menerima hukuman berat.

"Kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap perkara sedemikian. Kerajaan lain mungkin, tetapi kerajaan ini dan Umno tidak menyokong sebarang diskriminasi atau tindakan yang diambil terhadap orang lain hanya kerana perbezaan agama.

"Sesiapa yang mencuba, saya bimbang mereka akan menerima balasan yang mereka tidak akan lupa," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kompleks Seri Perdana, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas kemungkinan peristiwa keganasan oleh Perguruan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) yang melarikan senjata api dari dua kem tentera di Grik, Perak Ahad lalu, adalah bersifat perkauman.

Dalam kejadian itu, kumpulan penganas itu yang dikepung pasukan keselamatan di Bukit Jenalek, Sauk, membunuh komando Mathew anak Medan dan detektif Koperal R Sagadevan, sebelum menyerah diri Khamis lalu.

Dr Mahathir berkata, peristiwa itu adalah perbuatan kumpulan orang yang gila dan tidak berkait dengan ajaran Islam.

Katanya, peristiwa itu juga berpunca tindakan pihak tertentu yang berterusan menyebarkan dakwah membenci kerajaan di kalangan rakyat.

"Ada mereka yang hanya membenci (kerajaan) tetapi tidak berbuat apa-apa. Ada juga yang membenci dan tidak mengundi kerajaan.

"Tetapi ada yang keterlaluan hingga sanggup membunuh kerana kebencian. Inilah bahaya politik kebencian," katanya sambil menambah, Umno tidak membenci mana-mana parti tetapi perbuatan yang dilarang Islam, seperti memfitnah dan menyalahgunakan agama.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan bersyukur peristiwa keganasan itu berakhir tanpa mengorbankan lebih banyak nyawa. Justeru, Umno akan mengadakan kenduri kesyukuran di setiap bahagian.

Mengenai kedudukan kumpulan Al-Ma'unah, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mengkaji semua aspek ajaran kumpulan itu sebelum membuat keputusan sama ada untuk mengharamkannya atau tidak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga perlu menimbang pertubuhan lain yang mengamalkan ilmu kebatinan, terutama yang cuba menggunakan pengaruh mereka untuk kegiatan jenayah.

"Kita perlu mengkaji perkara ini supaya mereka yang tersesat ajaran ini ditangani sewajarnya," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut mengucapkan takziah kepada keluarga dua anggota keselamatan yang terkorban dalam peristiwa di Sauk.

(END)